

MEDIA STATEMENT

30 April 2010

PEPERIKSAAN SIJIL THANAWI EMPAT (STE) BAGI TAHUN 2010

Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) akan membuka pendaftaran bagi calon-calon yang hendak menduduki peperiksaan Sijil Thanawi Empat (STE) bagi tahun 2010, bermula dari **5 Mei hingga 26 Mei 2010**. Peperiksaan STE akan diadakan pada tarikh berikut:

30 hingga 31 Ogos 2010 : Peperiksaan Lisan
27 September hingga 6 Oktober 2010 : Peperiksaan Bertulis

2 Pendaftaran dibuka kepada:

- Para pelajar yang sedang menuntut di madrasah sepenuh masa di peringkat Thanawi Empat
- Calon persendirian yang terdiri dari para asatizah yang sedang mengajar di madrasah masjid yang tidak mempunyai kelulusan minima Thanawi Empat dan masih mengajar sebelum tahun 1997
- Calon persendirian yang mempunyai **sekurang-kurangnya kelulusan menengah tiga dalam aliran madrasah sepenuh masa** juga akan dipertimbangkan permohonannya
- Calon ulangan yang pernah mengambil peperiksaan STE pada tahun 2008 dan/ atau 2009 sahaja.

3 Pendaftaran bagi calon-calon madrasah sepenuh masa boleh dibuat melalui madrasah masing-masing manakala pendaftaran bagi calon persendirian dan ulangan hendaklah dibuat di pejabat Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) di alamat:

**273 Braddell Road
Hab Islam Singapura
Singapura 579702**

4 Calon ulangan dikehendaki membawa bersama salinan sijil peperiksaan Sijil Thanawi Empat yang telah disahkan semasa membuat pendaftaran.

5 Setiap calon yang mendaftar untuk peperiksaan ini hendaklah membuat pembayaran berikut:

- \$21.40 (termasuk 7% GST) bagi yuran pendaftaran,
- \$21.40 (termasuk 7% GST) bagi setiap mata pelajaran yang diambil.

6 Bagi calon madrasah, mereka dikehendaki membuat bayaran melalui madrasah masing-masing, manakala calon persendirian dan ulangan dikehendaki membuat pembayaran semasa mendaftar di pejabat Muis.

7 Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Cik Norwani Rahmat, Penolong Eksekutif, Unit Strategik Pembangunan Kurikulum Madrasah, Muis, melalui **talian 6359-1155**.

MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA